



A member of the Fairfax Group

### The Pacific Insurance Berhad (91603-K)

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)  
Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998  
Website: www.pacificinsurance.com.my

## RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat disini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

### PACIFIC SHIELD ESSENTIAL KEMALANGAN DIRI

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact The Pacific Insurance Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

#### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

- Kematian dan Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan
- Indemniti Berganda untuk Kematian Kemalangan atau kelumpuhan menyeluruh atau hilang dua anggota badan semasa mengembarni di dalam pesawat udara komersil sahaja sebagai penumpang berbayar
- Elaun Belas Ihsan
- Perbelanjaan Penghantaran Pulang
- Bonus Pembaharuan \*5% setiap tahun pembaharuan sehingga maksima 40%

Manfaat Opsyenal dengan membayar premium tambahan:

- Manfaat mingguan disebabkan Kemalangan
- Pendapatan Hospital disebabkan Kemalangan
- 

\* Tertakluk kepada tiada tuntutan di bawah manfaat Kematian Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal dan polisi tidak luput dalam mana-mana tahun polisi. *Jika tuntutan di bawah manfaat Kematian Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal telah dibuat, bonus pembaharuan terkumpul, akan dilucutahkan dan kelayakan akan dimulakan sekali lagi untuk tarikh pembaharuan seterusnya.*

Nota: Sila rujuk kepada skala manfaat bagi kematian dan hilang upaya di dalam sampel polisi/kontrak polisi. Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

#### 3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan dan manfaat yang dipilih seperti keperluan pengunderaitan The Pacific Insurance Berhad:

Jumlah premium yang perlu dibayar : RMxxxxxxxx

#### 4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25% daripada Premium Kasar
Duti setem	RM10.00

#### 5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

##### Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantriugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

##### Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan

mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

#### **6. Apakah Polisi ini Tertakluk kepada 'Warranti Tunai Sebelum Perlindungan'?**

Ya, terma dan syarat yang terkandung didalam kontrak insurans ini, ialah bayaran premium penuh perlu dijelaskan dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan bermula.

#### **7. Umur**

Orang Diinsuranskan dan Pasangan: 16 sehingga 65 tahun. Boleh diperbaharui sehingga 70 tahun.

#### **8. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut : risiko perang, risiko nuklear, HIV/AIDS, kecederaan sendiri, bunuh diri, penyakit kelamin, melahirkan anak, keguguran dan kehamilan, mana-mana angota polis atau tentera, khidmat atau operasi dalam tentera laut atau udara, penerbangan atau sebarang aktiviti pesawat terbang lain, sebarang aktiviti sukan professional, sukan berbahaya, sebarang jenayah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dan mabuk disebabkan alkohol dan dadah. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi/polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini.

#### **9. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan tujuh (7) notis bertulis kepada pihak kami dan dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa tempoh insurans pada masa itu. The Pacific Insurance Berhad akan mengembalikan sebarang premium bagi tempoh insurans yang belum luput dikira dari kadar jangka pendek lazim The Pacific Insurance Berhad.

Pihak Syarikat boleh membatalkan polisi dengan memberi 7 hari notis bertulis. Anda berhak menerima bayaran balik berdasarkan kadar prorata.

#### **10. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?**

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

#### **11. Bagaimana saya membuat tuntutan?**

Semua tuntutan perlu diberitahu pada syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kemalangan. Semua dokumen yang berkaitan tentang tuntutan perlu di kemukakan kepada syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kemalangan. Tiada tuntutan akan diterima jika pihak syarikat dimaklumkan selepas tempoh satu tahun dari tarikh kemalangan. Semua pampasan akan dibayar terus kepada anda, jika berlaku kematian, akan dibayar kepada beneficiari anda.

#### **12. Apakah jenis perlindungan Insurans Kemalangan Diri lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?**

Jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang lain boleh didapati di laman web kami di <https://www.pacificinsurance.com.my/products/personal-accident/>.

#### **13. Apakah jenis perlindungan Insurans Kemalangan Diri lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad.  
40.01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629  
Email: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)  
Laman Sesawang: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

#### **14. Pengakuan**

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....  
Tandatangan

#### **NOTA PENTING :**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK NOMINI DAN PASTIKAN NOMINI ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam risalah pemberitahuan ini sah pada **1 Mac 2024**.